

**TEKS UCAPAN**  
**BRIG. JEN. DATO' PROF. DR. KAMARUDIN HUSSIN**  
**NAIB CANSELOR UniMAP**  
**PADA MAJLIS AIDILFITRI @ UniMAP – INDUSTRI 2011**  
**ANJUNG UniMAP KULIM**  
**28 SEPTEMBER 2011**

Bismillahirrahmanirrahim

Mengadap Raja Muda Perlis, Duli Yang Teramat Mulia Tuanku Syed Faizuddin Putra Ibnu Tuanku Syed Sirajuddin Jamalullail merangkap Tuanku Canselor UniMAP serta Raja Puan Muda Perlis, Duli Yang Teramat Mulia Tuanku Hajjah Lailatul Shahreen Akashah, merangkap Pro-Canselor UniMAP.

Terlebih dahulu patik bagi seluruh warga kerja Universiti Malaysia Perlis ingin menyembah takzim, merafak sembah, menjunjung kasih yang tidak terhingga di atas perkenan Tuanku berdua bercemar duli berangkat dan menyerikan **MAJLIS AIDILFITRI @ UniMAP – INDUSTRI** anjuran **ANJUNG UniMAP KULIM** serta **MAJLIS MENANDATANGANI MoU ANTARA UniMAP DAN B BRAUN MEDICAL INDUSTRIES SDN BHD** pada hari ini.

Sesungguhnya kehadiran Duli Tuanku berdua ke majlis ini amat besar ertinya buat patik sekalian, ibarat kecil tapak tangan nyiru patik tadahkan.

Ampun Tuanku, sembah Patik Mohon Diampun,

Patik mohon untuk menyampaikan ucapan kepada hadirin sekalian. Ampun Tuanku.

**SALUTATION :**

**VIP LIST PLEASE UPDATE**

Y.Berbahagia Dato'-Dato' dan Datin-Datin

Dif-dif Kehormat, CEO-CEO serta Wakil-wakil Industri

Pegawai-Pegawai Utama UniMAP, Dekan-dekan, Ketua-Ketua Jabatan,

Wakil-wakil media seterusnya hadirin yang dirahmati Allah Sekalian.

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

**Nukil di pipi rahsia serunai,  
Segulung padi rambah di dusun,  
Wakil Industri, hadirin dan alumni,  
Sekalung budi sembah disusun.**

**Ungkap selesa dipapar mudah,  
Tamsil waruna kenal kelalang,  
Anjung UniMAP tersergam indah  
Pemangkin pendidikan industri gemilang.**

Alhamdulillah, marilah kita bersama-sama merafakkan syukur kehadiran Allah Subhanahuwataala yang tidak putus-putus bermurah hati memanjangkan usia, mengurniakan kesempurnaan akal, menganugerahkan kesihatan jasad dan memberikan kita keupayaan hingga membolehkan kita sama-sama berkumpul dan merayakan sambutan Aidilfitri @ UniMAP bersama warga industri pada hari ini.

Jutaan terima kasih kepada semua dif-dif kehormat, wakil-wakil industri serta hadirin dan hadirat sekalian kerana dapat menghadirkan diri dalam majlis indah ini.

Terlebih dahulu, kami memohon maaf atas kelewatan menganjurkan majlis Aidilfitri @ UniMAP disebabkan kesibukan dengan Istiadat Konvokesyen ke-6 UniMAP minggu lalu. Namun, syukur Alhamdulillah, majlis ini tetap dapat

dilaksanakan walaupun Syawal telah menginjak ke hari ke-29 hari ini.

Justeru, izinkan saya mengambil kesempatan ini juga untuk merakamkan penghargaan kepada semua Ahli Jawatankuasa yang bertungkus lumus dalam memastikan kelancaran majlis kita pada hari ini.

Hadirin dan Hadirat sekalian,

UniMAP bakal merayakan sambutan ulang tahun ke-10 pada tahun hadapan, dan Alhamdulillah, sepanjang 9 tahun usia UniMAP kini, pelbagai kejayaan dan cerita manis telah tercoret dalam diari UniMAP.

Dari hanya dua program pengajian pada tahun 2002, UniMAP kini menawarkan **enam** program diploma, **dua puluh satu** program sarjana muda kejuruteraan, **satu** program perniagaan antarabangsa, **satu** program keusahawanan kejuruteraan, **16** program sarjana sains dan doktor falsafah/Ph.D dalam pelbagai bidang khusus kejuruteraan.

**Terbaru**, pada sesi pengambilan tahun ini, UniMAP memperkenalkan satu program akademik baru iaitu Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Kimia (Kepujian)(Bioteknologi Industri) yang mana secara kesleuruhannya sebanyak **12 Program Ijazah Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan** telah dikenalpasti.

Baki sebelas program teknologi kejuruteraan lagi akan insya allah ditawarkan dalam sidang akademik akan datang.

Buat masa ini, kesemua program pengajian kejuruteraan di UniMAP telah diberikan pengiktirafan oleh BEM manakala satu lagi program pengajian iaitu kejuruteraan Polimer kini sedang menunggu jawapan kelulusan akreditasi.

Hadirin dan hadirat sekalian,

Aspek kualiti sentiasa menjadi agenda utama UniMAP untuk memacu nama ke persada antarabangsa. Dan pengukuran kualiti itu diukur dalam pelbagai aspek.

Dalam jangka masa sekitar sembilan tahun menawarkan perkhidmatan, kini UniMAP diiktiraf oleh MQA sebagai **universiti yang “terpuji”** atau universiti yang tergolong dalam Tahap **(Tier) 4** mengikut Sistem Penarafan Institusi Pengajian Tinggi Malaysia (SETARA) 2009 berbanding dengan **Tier 2** atau universiti kategori “memuaskan” yang dicapai dalam tahun 2006. Selain itu, UniMAP turut cemerlang dalam aspek penyelidikan. Baru-baru ini UniMAP diisytiharkan sebagai universiti **empat (4) bintang** (dengan **skor 81.4%**) mengikut *Malaysia Research Assessment* (MyRA) yang dikeluarkan oleh KPT. UniMAP berada di **tempat pertama** daripada 15 buah universiti kategori universiti bukan

penyelidikan atau tempat **ke-6 daripada 20 buah universiti awam** di Malaysia.

Dan Alhamdulillah, UniMAP kini sudah mula menggegarkan pentas pertandingan penyelidikan dan digeruni lawan. Tahun ini sahaja, UniMAP **mengungguli** dua pertandingan utama iaitu PECIPTA yang baru berakhir 16 September lalu, dan ITEX pada bulan Mei lalu. Pada pertandingan PECIPTA, UniMAP mencatatkan **84 peratus kemenangan** sekaligus muncul IPTA yang meraih pungutan pingat tertinggi dengan 9 pingat emas, 6 Perak dan 16 Gangsa.

Delegasi UniMAP menghantar 37 produk untuk dipertandingkan dengan 31 daripadanya berjaya meraih pingat.

*Manakala, dalam International Invention, Innovation and Technology Exhibition (ITEX), misalnya, UniMAP pada tahun ini berjaya keluar sebagai **juara keseluruhan** daripada lebih 20 buah institusi pengajian tinggi dan institusi penyelidikan yang mengambil bahagian dengan membawa pulang 11 pingat emas; 24 perak; dan 11 gangsa, di samping menerima anugerah **Champion of Malaysian Invention and Design Society (MINDS)** lantaran sumbangan universiti ini dalam usaha meningkatkan inisiatif inovasi dan penyelidikan para*

penyelidik muda dalam kalangan mahasiswa dan pelajar sekolah.

Alhamdulillah, dengan kerjasama yang diberikan oleh sektor industri, graduan UniMAP telah mencapai tahap kebolehpasaran yang sangat membanggakan. Mengikut data sehingga hari ini, seramai **56.2 peratus graduan** UniMAP yang bergraduat minggu lalu telah mendapat pekerjaan. Dan saya percaya dengan angka ini, kita mampu melepasi KPI yang ditetapkan oleh Kementerian Pengajian Tinggi (KPT). Insya Allah.

Inilah sebenarnya bukti jalinan kerjasama erat yang terjalin antara UniMAP dan rakan industri dan inilah juga sebenarnya sebahagian daripada fungsi utama penubuhan pejabat Anjung UniMAP.

Hadirin dan hadirat sekalian,

Pejabat Anjung UniMAP Kulim ditubuhkan bukan semata-mata untuk menguruskan urusan promosi UniMAP sebaliknya, ia juga berperanan sebagai “one stop centre” untuk mendekatkan hubungan antara UniMAP dan industri di bawah pengurusan KHTP.

UniMAP di Anjung Kulim ini telah dan akan menawarkan pelbagai peluang latihan, kursus jangka pendek serta jangka

panjang dan juga pengajian peringkat Sarjana secara separuh atau sepenuh masa khusus untuk khalayak pekerja di KHTP.

Menerusi Pusat Pengajian Inovasi Perniagaan dan Teknousahawan (PPIPT) pelbagai program latihan dan kursus telah dianjurkan untuk dimanfaatkan oleh warga industri di sini. Salah satu darinya ialah Sarjana Pentadbiran Perniagaan (MBA) Pengurusan Kejuruteraan ditawarkan di Anjung UniMAP Kulim.

Selain itu, pelbagai kursus dan bengkel jangka pendek juga dianjurkan di sini antaranya kursus PSDC Silterra UniMAP Fastrack, Wafer Technology Training, kursus ergonomics, kursus pengendalian bahan kimia, kursus pengurusan tenaga, kursus bahasa Inggeris dan kursus fotografi.

Insyaa Allah bilangan kursus ini, terutama yang memberikan manfaat kepada industri akan ditingkatkan lagi di masa-masa akan datang. Justeru itu, pihak universiti amat mengalu-alukan pandangan dan cadangan daripada pihak industri berkenaan kursus-kursus yang bersesuaian dengan pihak industri yang boleh ditawarkan. Semoga Pejabat Anjung UniMAP Kulim ini akan terus memaksimumkan peranannya sebagai pusat latihan terkemuka di masa hadapan sekali gus menyumbang dalam pembangunan modal insan Koridor Utara.



Selaras dengan itu juga, UniMAP hari ini bakal memeterai perjanjian MoU dengan B Braun Medical Industries Sdn Bhd.

Perjanjian yang dimeterai hari ini secara tidak langsung akan mengukuhkan lagi kerjasama kami dengan pihak industri yang mana sehingga kini, UniMAP telah menjalinkan kerjasama dengan lebih 70 industri melalui 99 siri perjanjian Memorandum Persefahaman (MoU) dan 71 siri Memorandum Perjanjian (MoA).

Beberapa kerjasama telah dirancang antara UniMAP dan B. Braun ini untuk peringkat awal . Antara kerjasama tersebut adalah :

- Merancang penempatan pelajar UniMAP seramai 5 hingga 10 orang pelajar dalam menjalani **Latihan Industri** di Braun Medical Industries Sdn Bhd pada setiap tahun.
- Merancang untuk menawarkan kursus-kursus jangka masa pendek dan program-program pengajian di peringkat Sarjana dan Doktor falsafah kepada kakitangan Braun Medical Industries Sdn Bhd. Antara program yang berpotensi tinggi dan menarik minat pihak Braun Medical Industries Sdn Bhd adalah program **“PhD Industri”**.
- Merancang untuk melaksanakan program yang berkonsepkan **“Sistem Anak Angkat”**. Program ini

adalah program yang bakal membentuk jurutera – jurutera UniMAP yang memahami dan menguasai bidang dan pengetahuan yang diperlukan oleh B Braun Medical Industries Sdn Bhd.

- Merancang untuk melantik pakar-pakar daripada B Braun Medical Industries Sdn Bhd sebagai **Panel Penasihat Industri** untuk UniMAP dalam beberapa program yang bakal dikenalpasti.
- Merancang untuk menawarkan pelajar-pelajar UniMAP dalam program **Job Camp UniMAP – Industri 2011** yang bakal di laksanakan setelah menerima kelulusan pihak Kementerian Pengajian Tinggi.

Melaut impian kami untuk melihat kerjasama yang dijalinkan ini bukan sahaja memberikan manfaat kepada kami warga UniMAP, tetapi kepada seluruh masyarakat.

Ampun Tuanku,

Sekian sahaja sembah ucapan patik. Akhir kata patik mewakili seluruh warga UniMAP ingin merafak sembah, menjunjung kasih yang tidak terhingga sekali lagi ke bawah Duli Tuanku berdua kerana sudi mencemar duli berangkat ke majlis ini.

Patik juga merakamkan penghargaan kepada semua tetamu yang turut memeriahkan majlis ini dan terima kasih kepada

semua pihak yang membantu membuat persiapan untuk menjayakan majlis ini.

Sekian, Wabillah Hitaufik Walhidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahiwabarakatuh.